

LATIHAN TATABAHASA

Latihan 1

Beri perkataan seerti atau seiras bagi perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran berikut. Pilih jawapan yang betul.

1. Siti disayangi oleh ibu dan bapanya kerana dia anak yang **patuh**.
A. sopan B. baik C. rajin D. taat
2. Adi berasa **gerun** kerana sampan yang dinaikinya bergoyang-goyang.
A. mabuk B. bimbang C. penat D. takut
3. Pengetua **mendenda** murid-murid itu kerana sering melanggar peraturan sekolah.
A. menyaman B. memukul C. menghukum D. memarahi
4. Kain jarang ini tidak **padan** untuk dibuat baju kurung.
A. sesuai B. cantik C. cukup D. lengkap
5. Sebuah jambatan yang **teguh** akan dibina merentangi sungai yang lebar itu.
A. moden B. panjang C. kukuh D. indah
6. Sudah saya **duga** Abu akan datang awal ke sekolah.
A. jangka B. tahu C. yakin D. sedar
7. **Sepatu** kulit Osman telah dibeli oleh kakaknya di luar negeri.
A. Setokin B. Seluar C. Capal D. Kasut
8. Makanan yang Cik Yati jual di pasar malam itu sungguh **laris**.
A. habis B. laku C. lazat D. terkenal
9. Datuk telah jatuh **sakit** setelah mendengar berita kehilangan cucu kesayangannya.
A. derita B. pedih C. uzur D. perit
10. Air **telaga** itu telah tercemar.
A. perigi B. tasik C. sungai D. kolam
11. Cikgu Munah **mendidik** saya sejak saya di dalam darjah satu.
A. memerintah B. memaksa C. mendenda D. mengajar

12. Bapa Murni ialah seorang **doktor**.
A. askar B. guru C. tabib D. pencuri
13. Adik **hitung** wang simpanannya di dalam tabung.
A. kira B. buang C. kumpul D. Ambil
14. Budak lelaki itu **gali** lubang dengan tangannya.
A. tanam B. sumbat C. korek D. Tebuk
15. **Baju** Salim kotor-bolor.
A. Kain B. Kemeja C. Seluar D. Stokin
16. Sultan Mahmud sedang **beradu** dengan lenanya.
A. makan B. duduk C. membaca D. tidur
17. Almari usang itu diselaputi **habuk**.
A. pasir B. kotor C. debu D. asap
18. Rumah bururk itu hampir **roboh**.
A. atuh B. condong C. rebah D. senget
19. Cik Munah pergi ke **bandar** dengan menaiki kereta.
A. desa B. kota C. dusun D. kebun
20. Adik tersentak apabila terdengar **guruh** di langit.
A. Kilat B. awan C. ribut D. guntur